



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tabung BNM untuk PKS : **Kemudahan Agromakanan**

Objektif

Menyediakan akses pembiayaan kepada PKS untuk meningkatkan pengeluaran agromakanan negara dan untuk eksport.



Jumlah pembiayaan maksimum

RM5 juta



Kadar Pembiayaan

Sehingga
3.75% setahun
(termasuk sebarang fi jaminan)



Tempoh pembiayaan maksimum

Sehingga
8 tahun

Kemudahan Agromakanan

Tujuan Pembiayaan

- Perbelanjaan modal
- Modal kerja
- Pembangunan projek agromakanan

Aktiviti yang layak ialah projek yang berdaya maju melibatkan pengeluaran makanan pertanian utama (*upstream*), pemprosesan/pengilangan agromakanan, atau aktiviti hiliran makanan yang lain. Separuh daripada jumlah pengeluaran dijual di pasaran tempatan, dan menyokong pengeluaran makanan/pertanian utama tempatan. *(Tidak boleh digunakan untuk membiayai semula pembiayaan sedia ada)*

Kriteria kelayakan

PKS* Malaysia yang memenuhi kriteria berikut:

- Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau pihak berkuasa/pejabat daerah di Sabah and Sarawak atau badan pentauliah bagi penyedia perkhidmatan professional.
- Saham PKS yang dimiliki Syarikat Awam Tersenarai dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (jika ada) tidak melebihi 20%.
- Warganegara Malaysia bermastautin di Malaysia dengan pegangan saham minimum sebanyak 51% dalam PKS tersebut.

Institusi Kewangan Peserta (IKP)

- Bank-bank perdagangan
- Bank-bank Islam
- Institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia oleh BNM

Prosedur permohonan

Pemohonan dikemukakan terus kepada IKP dan kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada penilaian kredit oleh setiap IKP.

* Berdasarkan definisi PKS yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK).

Maklumat lanjut



Hubungi pusat khidmat pelanggan institusi kewangan peserta



Layari laman sesawang institusi kewangan peserta



www.bnm.gov/covid19

BNM eLINK :
<https://telelink.bnm.gov.my>